

Transformasi menyeluruh perkara dunia pendidikan tinggi

Oleh Prof Datuk Dr Nasrudin Mohammed - Februari 18, 2022
bhrencana@bh.com.my

Kesepakatan kata dan fikiran betapa transformasi dinamis menjadi kunci kepada kesejahteraan dan keamanan kemanusiaan dilakarkan secara tersurat menerusi platform Persidangan Kepemimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) 2022, baru-baru ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, pakar dan ilmuwan pendidikan tinggi tempatan dan global serta peserta persidangan seramai 1,000 individu itu secara umumnya bersepakat terhadap kepentingan transformasi dinamis berkenaan.

Persidangan antarabangsa itu menekankan tema transformasi meliputi antara lainnya pemeraksanaan agenda digitalisasi, kebolehpasaran graduan, pengukuhan rangkaian kerjasama strategik dan kesejahteraan komuniti.

Justeru, penegasan kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap pentingnya transformasi secara bermakna itu dikira tepat pada masanya.

Secara global, semua negara menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan penyelesaian atau pendekatan bercorak baharu. Ini turut disentuh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang berkenan merasmikan persidangan itu apabila baginda bertitah kepemimpinan pendidikan tinggi adalah keutamaan negara dan antarabangsa yang menyangkut nilai ekosistem serta amalan pekerjaan berasaskan pasukan.

Pendirian itu disambut secara harmoni kebanyakan penyampai kertas pemikiran pada persidangan itu yang datangnya daripada pelbagai negara, mewakili pelbagai komuniti antarabangsa.

Pemimpin pendidikan tinggi berpeluang berkongsi pandangan, pengalaman dan maklumat mengenai bagaimana mereka boleh mencetuskan inisiatif untuk mengupayakan komuniti, menjalin kerterangkuman dengan pemegang taruh serta mengembangkan institusi secara tempatan dan global.

Secara praktikal, pemimpin pendidikan tinggi berkongsi pengalaman mereka mengenai pelbagai pendekatan yang digunakan oleh institusi masing-masing untuk menganalisis senario semasa dan masa hadapan berbekalkan teknologi yang tepat serta berimbang, sekali gus merancang dan mengurus perubahan secara sistematik.

Kesan yang ditimbulkan pandemik misalnya dianggap sama sahaja di mana-mana. Dalam soal pendidikan contohnya, hampir kebanyakan ilmuwan menganggap teknologi sebagai mekanisme yang seharusnya dioptimumkan, namun secara terpilih.

Pendidikan dalam talian umpamanya tidak semestinya menghasilkan kejayaan berpandukan teknologi semata-mata. Proses transformasi pendidikan yang bermakna membabitkan lebih daripada sekadar prasarana mencukupi serta peranti yang tersedia setiap masa.

Ia membabitkan soal kemahiran dan keseimbangan emosi yang menghidupkan proses pengajaran dan pembelajaran secara holistik.

Ini termasuk juga keperluan sebenar setiap pelajar. Mengaktifkan kegiatan pengajaran dan pembelajaran memerlukan interaksi khusus dan tertentu yang membabitkan pelbagai sumber.

Ini turut merangkumi soal kesesuaian kandungan pembelajaran itu sendiri yang direkabentuk dengan mengambil kira keperluan pelajar secara tuntas. Hakikatnya, ini bukan kerja mudah.

Ekosistem pendidikan tinggi memerlukan pemimpin yang berupaya menyesuaikan institusi dan komuniti dengan kelebihan teknologi menerusi pendekatan yang cermat. Keupayaan teknologi, seperti diakui kebanyakan penyampai kertas pemikiran pada persidangan itu, belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh kebanyakan pemimpin pendidikan tinggi.

Beberapa isu yang menghambat institusi dalam soal penggunaan teknologi, termasuk masih tercari-cari pendekatan paling strategik, mengambil masa yang terlalu lama untuk mendapatkan rakan teknologi yang dianggap paling sesuai, persoalan kos kewangan serta kurangnya desakan kesegeraan dalam orientasi pemikiran pemimpin untuk mengutamakan kerterangkuman teknologi dan tadbir urus institusi.

Banci Penduduk dan Perumahan 2020 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, baru-baru ini, memberi gambaran baik mengenai kebimbangan ramai ilmuwan yang diluahkan ketika persidangan. Persoalan digitalisasi yang perlu diupayakan secara segera dalam skala yang bukan sahaja mencukupi, tetapi besar dan dinamis, bukanlah persoalan yang boleh ditangguhkan lebih lama.

Dunia pendidikan tinggi adalah dunia yang dipenuhi orang muda. Dengan kata lain, majoriti mereka adalah golongan usia kelas pekerja. Malaysia antara negara yang dianggap menua secara agak cepat.

Ada pakar menjangkakan negara ini akan tua sepenuhnya dalam masa 20 tahun lagi. Ini bermakna, Malaysia akan berhadapan isu kekurangan pekerja berkelayakan berusia muda dalam masa tidak berapa lama lagi. Justeru, keadaan ini berkait soal produktiviti negara. Pendekatan sebahagian negara di dunia adalah menggunakan tenaga kerja asing. Adakah Malaysia ke arah itu juga?

Dari sudut inilah lahirnya keperluan untuk mengukuhkan paduan dan keterangkuman antara komuniti institusi pendidikan tinggi dengan pihak sasaran membabitkan pemegang taruh, industri serta masyarakat supaya keharmonian proses transformasi dapat diperluas menerusi kandungan pembelajaran, pendekatan, kaedah serta mekanisme penilaian yang semuanya memerlukan penyelarasan.

Jangkaan baik hasil daripada paduan dan keterangkuman ini akan dapat dilihat apabila pemimpin pendidikan tinggi berupaya memanfaatkan platform digital, menumbuhkan nilai dan norma baharu yang bersesuaian, menyingkirkan diskriminasi tidak adil serta halangan tidak munasabah kepada akses dan kejayaan.

Begitu juga pemurnian kurikulum institusi pendidikan, mengungkap kesejahteraan mental dan mengubah landskap ekosistem tempat kerja ke arah kebajikan serta kesejahteraan komuniti secara holistik.

Penulis adalah Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)